

4



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkuuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:

**ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND**

SEMINAR ANTARABANGSA

ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA

ENTITI

KECEMERLANGAN

MOU &

MOA

ACIS &

KOMUNITI



PENGANTARABANGSAAN ACIS



12 Jun 2023: ACIS berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Saudi Arabian Cultural Attache;

Dr. Fahad Mohammed N. Alshemmeri yang menguruskan urusan berkaitan pendidikan dan hubungan dua hala di antara kerajaan Malaysia dan Saudi Arabia.

Kunjungan ini disambut dengan ceria oleh barisan pengurusan ACIS termasuk Dekan, Timbalan -Timbalan Dekan serta sebahagian staf dan kepimpinan pelajar di premis Cempaka 5. Satu sesi pengenalan kepada ACIS dan pembentangan telah di adakan di Bilik mesyuarat dengan harapan besar dapat membuka ruang dan peluang kerjasama ACIS UiTM bersama kerajaan Saudi Arabia.

Semoga Allah SWT mempermudahkan urusan kerjasama ini dan berakhir dengan manfaat yang besar kepada warga UiTM khususnya.





Kunjungan diteruskan ke Pejabat Naib Canselor, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam. Turut serta menyambut kunjungan ini adalah YBhg. Professor Datuk Dr Hajah Roziah Mohd Janor (Naib Canselor UiTM) ; YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani (Dekan ACIS); YBhg. Profesor Dr Shahriman Zainal Abidin (PNC UiTM Global) ; YBhg. Profesor Dr S Salahudin Suyurno (Timbalan Dekan PJI); YBrs. Prof Madya Dr Azri Bhari (Timbalan Dekan HEP) dan Ts Siti Fatahiyah Mahamood (Ketua Unit Kualiti ACIS merangkap Pengarah INHAC).



Beberapa agenda penting telah dibincangkan, semoga Allah SWT mempermudahkan urusan kerjasama ini dan berakhir dengan manfaat yang besar dan terbaik kepada warga UiTM khususnya.






[22 Jun 2023]

Kedutaan Qatar di Malaysia (Embassy of the State of Qatar) yang diwakili oleh Ms. Sara Jassim Al-Saad Al-kuwari telah menyambut baik kunjungan hormat daripada ACIS. Turut serta dalam kunjungan ini adalah Pengarah Rakan Kerjasama Strategik Global UiTM - Profesor Dr Ahmad Naqiyuddin Bakar; Dekan ACIS- Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani; TD PJI ACIS -PM Dr S Salahudin Suyurno, Ketua Unit Kualiti ACIS merangkap Pengarah INHAC -Ts Siti Fatahiyah Mahamood, dan Ustaz Ahmad Thaqif Bin Ismail.





Delegasi UiTM yang diketuai oleh Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani, Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah mengadakan misi ke Jordan dan Kuwait pada 19 April hingga 22 April 2022 yang lalu. Lawatan tersebut adalah bagi menarik minat kerjasama dengan universiti – universiti di Jordan dan Kuwait dalam aspek mobiliti antarabangsa, program berkembar, inisiatif profesor pelawat, kerjasama penyelidikan dan perundingan serta inisiatif menarik minat profesor ulung di Jordan untuk menyampaikan kuliah di UiTM, dalam usaha UiTM meningkatkan reputasi akademik di peringkat global.

Delegasi UiTM juga berkesempatan mengadakan pertemuan dengan Profesor Dr Nidal M. Al-Ramahi (Presiden Zarqa University), Profesor Dr Hani H. AlDmour, (Presiden Al-Bayt University), Profesor Dr Mohammad A.S Alkhaililah, (Presiden The World Islamic Science & Education University (WAIS) dan Profesor Dr Zaid Eyadat (Timbalan Presiden International Affairs Universiti Amman Jordan).

Terima kasih di atas kerjasama baik dari pihak kedutaan Malaysia di Jordan menerusi Pengarah Bahagian Pendidikan Malaysia-Jordan, iaitu Profesor Madya Dr Radzuwan Rasyid. Terima kasih juga kepada TYT Dato' Mohd Ali Selamat, Duta Malaysia ke Kuwait yang turut menganjurkan Iftar Ramadhan buat delegasi UiTM





15 Februari 2024

LAWATAN UNIVERSITI ANBAR IRAQ KE UiTM

ACIS mengucapkan jutaan terima kasih kepada Department of Strategic Partnership UiTM Global Profesor Dr Ahmad Naqiyuddin Bakar atas jemputan perbincangan berkaitan kolaborasi antara ACIS UiTM dan Universiti Anbar Iraq dalam bidang Pengajian Islam.

Delegasi ini diketuai oleh Prof. Dr. Mushtak Talib Salih President of the University of Anbar, Dr. Faisal Ghazi Hamood Al-Sharqi Head of Scholarships Division, Prof. Dr. Salah Awad Salman, Dean of College of Computer Sciences, Prof. Dr. Ameer Abdulrahman Hilal Dean of College of Engineering, Prof. Dr. Ahmed Obeid Jassim Hammadi Dean of the College of Islamic Sciences, Dr. Omar Khaldoon Abdulrahman Director of World Ranking Unit Quality Assurance & Mr. Taha Alesawy.


Banyak perbincangan diadakan antara Dekan ACIS Prof Dr Mohd Afandi bin Mat Rani dan Dekan Pengajian Islam Anbar Universiti Prof. Dr Ahmed Obeid berkaitan penyelidikan, penerbitan, MOU & MOA, Profesor Pelawat, Mobiliti pelajar dan lain-lain untuk manfaat kedua-dua universiti di peringkat antarabangsa.

Pertemuan diadakan di Bilik Sidang Aras 3 Bangunan Canselor UiTM Shah Alam yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Naib Canselor UiTM Profesor Datuk Dr Shahrin bin Sahib. Semoga kerjasama antara kedua-dua universiti ini dapat direalisasikan pada masa akan datang.

Menerusi Japan Da'wah Center (JDC) yang merupakan sebuah pusat memperkenalkan dakwah Islam di bumi matahari terbit, hubungan yang terbina di antara ACIS dan JDC melangkaui hubungan penyelidikan, mobiliti pelajar bagi latihan industri dan sebagai sebuah pusat memperkenalkan budaya Islam kepada komuniti di Jepun. JDC juga merupakan pusat memperkenalkan budaya rakyat Malaysia kepada masyarakat di Jepun.

Dengan mesej membawa misi Islam adalah agama yang aman dan harmoni, pelbagai program silang budaya telah dibawa khususnya menerusi program mobiliti pelajar menerusi latihan industri di JDC. Beberapa siri perkongsian ilmu melibatkan bidang halal bagi pelajar yang terlibat turut di adakan bersama komuniti.

ACIS turut menggunakan ruang ini bagi melakukan khidmat kepada komuniti Muslim di Jepun antaranya menerusi pemberian sumbangan al-Quran, dan barang keperluan ibadah seperti sejadah dan telekung. Menerusi Prof Madya Dr Noorul Huda Sahari, Prof Madya Dr Amal Hayati Ishak & Dr Nadiah Ramli - ACIS amat berbesar hati menerima geran tajaan penyelidikan daripada JDC. Semoga hubungan baik yang terjalin ini akan terus memanfaatkan ummah.





جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



acis.uitm



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.